

**BERNAMA – 25 FEBRUARY 2019**

<http://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1698571>

**AD VALUE: 900**

## **Keuntungan bersih Sunway Construction meningkat kepada RM144.69 juta**

Tarikh kemaskini: 25/02/2019



KUALA LUMPUR, 25 Feb (Bernama) -- Keuntungan bersih Sunway Construction Group Bhd (Sunway Construction) bagi tahun kewangan berakhir 31 Dis, 2018 meningkat kepada RM144.69 juta daripada RM132.29 juta pada tahun 2017.

Hasil meningkat kepada RM2.25 bilion daripada RM2.07 bilion sebelumnya, berikutan segmen pembinaan yang mengimbangi pengurangan dalam pendapatan daripada segmen pratuang, katanya dalam kenyataan kepada Bursa Malaysia hari ini.

Syarikat itu berkata segmen pembinaan mencatatkan perolehan lebih kukuh sebanyak RM2.12 bilion daripada RM1.93 bilion sebelumnya, hasil daripada sumbangan lebih tinggi daripada semua bahagian - sektor awam, geoteknik, bangunan dan mekanikal, elektrik dan paip.

Sementara itu, segmen pratuang melaporkan pendapatan yang lebih rendah sebanyak RM133.7 juta berbanding hasil sebanyak RM144.9 juta sebelumnya, kebanyakannya disebabkan beberapa projek telah siap.

Mengenai prospek, Sunway Construction berkata ia memperoleh RM1.6 bilion pesanan baharu untuk tahun berakhir 2018.

"Bagi tahun berakhir 2019, kami menyasarkan RM1.5 bilion pesanan baharu. Setakat ini kami telah meraih RM781 juta nilai pesanan termasuk cadangan kampus Tenaga Nasional Bhd (TNB) di Bangsar, Kuala Lumpur.

"Dengan kontrak baharu ini, nilai perolehan projek secara keseluruhan sekarang berjumlah RM6 bilion," katanya.

-- BERNAMA